

'PLKN ubah diri saya, tangani kelemahan' - Bartholomew Thierry Timothy

Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my



BARTHOLOMEW Thierry Timothy (tengah) diraikan rakan peserta lain selepas menerima Anugerah Wira Muda bagi PLKN 3.0 Siri 2/2025. FOTO Mohd Rafi Mamat.

Pekan: Bartholomew Thierry Timothy mengakui sebelum ini dia kurang berdisiplin, namun Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang disertai selama 45 hari berjaya menangani kelemahannya itu.

Malah pemuda kelahiran Sabah berketurunan Kadazan terbabit turut diangkat sebagai penerima Anugerah Wira Muda bagi

PLKN 3.0 Siri 2/2025 yang diraikan pada majlis penutup di Kem Rejimen 505 Askar Wataniah Sungai Miang di sini, hari ini.

Seramai 257 pelatih lelaki berjaya menamatkan latihan sejak menyertai program 11 Mei lalu.

Bartholomew, 23, berkata, terlalu banyak kenangan manis sepanjang 45 hari mengikuti PLKN dan banyak dipelajari terutama

berkenaan kenegaraan, ketenteraan dan masa depan dalam pendidikan.

"Awal menyertai program ini, sukar juga terutama apabila terpaksa menepati masa. Namun selepas seminggu, saya mampu mengikuti setiap peraturan yang ditetapkan jurulatih.

"Selepas menyertai PLKN juga saya lebih percaya pada diri sendiri terutama dalam membuat keputusan. Sebelum ini lebih banyak bertanya pada rakan-rakan dan keluarga untuk membuat keputusan.

"Saya berharap mereka yang menerima tawaran PLKN, tidak melepaskan peluang itu kerana terlalu banyak kebaikan yang diterima sepanjang program. Kerajaan menyediakan peluang keemasan khusus untuk golongan belia menambahkan ilmu pengetahuan," katanya.

Thierry Timothy juga tidak menyangka menerima anugerah dan bersyukur serta berbangga dengan pengiktirafan diterima.

"Tidak sia-sia saya datang dari jauh (Sabah). Selepas ini saya akan menyambung pengajian di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sebagai penuntut Asasi Sains Fizikal dan mahu mencipta kejayaan dalam akademik seterusnya jadi jurutera suatu hari nanti," katanya.

Bagi Tan Ming Hoe, 23, kerana terlalu minat dengan PLKN, dia sanggup mengayuh basikal sejauh 9.5 kilometer (km) untuk ke kem pada hari pendaftaran dan dua kali menjalani ujian kesihatan sebelum disahkan sihat untuk menyertai program.

"Saya melalui laluan berliku untuk menyertai PLKN, dua kali buat permohonan dan dua kali jalani ujian kesihatan. Justeru saya berharap belia yang menerima tawaran mengikuti PLKN... datanglah. Bukan lama, cuma 45 hari sahaja. Banyak pengetahuan diperoleh sepanjang program," katanya.

Disiarkan pada: Jun 24, 2025 @
3:16pm